



BUILDING the BLOCKS of KNOWLEDGE

SASBADI HOLDINGS BERHAD

(1022660-T)

Lot 12, Jalan Teknologi 3/4,
Taman Sains Selangor 1,
Kota Damansara,
47810 Petaling Jaya,
Selangor Darul Ehsan, Malaysia.
Tel: +603 6145 1188
Fax: +603 6145 1199
Website: www.sasbadi.com
Email: enquiry@sasbadi.com

KENYATAAN MEDIA

UNTUK PENYIARAN SERTA-MERTA

PERTANDINGAN ROBOTIK FLL MALAYSIA 2016 KEMBALI DENGAN CIPTAAN LEBIH INOVATIF

Kanak-kanak berusia 9 hingga 16 tahun mereka cipta sistem pengurusan bahan buangan menggunakan teknologi robotik

KUALA LUMPUR, 29 MEI 2016 - Sasbadi Holdings Berhad (“Sasbadi Holdings” atau “Kumpulan Sasbadi”) adalah rakan nasional bagi FIRST (sebuah badan dunia yang ditubuhkan untuk memupuk minat dan penyertaan golongan muda dalam bidang sains dan teknologi) yang juga pengedar eksklusif LEGO Education di Malaysia dan Brunei telah menganjurkan Kejohanan Robotik FIRST LEGO League (“FLL”) Malaysia 2016 bertempat di Institut Pendidikan Guru (“IPG”) Kampus Bahasa Melayu, Kuala Lumpur. Kejohanan robotik yang berlangsung dari 27 hingga 29 Mei 2016 dan bertemakan *Trash Track* itu telah menerima seramai lebih 1000 peserta berumur 9 hingga 16 tahun dari seluruh Malaysia. IPG Kampus Bahasa Melayu merupakan Rakan Strategik dan Penaja Rasmi Lokasi bagi FLL Malaysia 2016.

Semasa berlangsungnya Majlis Penyampaian Hadiah dan Penutupan FLL Malaysia 2016, **Pengarah Urusan Kumpulan, Sasbadi Holdings, Encik Law King Hui** telah mengumumkan kejayaan pasukan Reveles dari SMJK Chung Ling, Pulau Pinang yang telah mewakili negara ke First Lego League World Festival di St. Louis, Amerika Syarikat pada 27 hingga 30 April yang lalu, telah mengharumkan nama negara dengan memenangi **Mechanical Design Award** yang dinilai berdasarkan kemahiran dan kehebatan pasukan berkenaan dalam mereka cipta robot.

Misi bagi tema *Trash Trek* yang diumumkan pada September 2015 telah disahut oleh lebih 233,000 peserta berusia 9 hingga 16 tahun dari 80 buah negara. Misi tersebut memerlukan para peserta membuat kajian tentang sistem pengurusan bahan buangan yang sedia ada dan menentengahkan idea-idea baharu yang lebih memelihara dan melestarikan alam sekitar. Idea-idea ini dipersembahkan dengan bantuan teknologi, sains dan robotik.

Di dalam ucapan beliau, Encik Law King Hui berkata, “FLL menyediakan pengalaman yang menyeronokkan dan menarik minat generasi muda di seluruh dunia untuk menjadi inovator dan penyelesaian masalah. Dengan menggunakan isu dunia sebenar, mereka berpeluang untuk mengaplikasikan segala yang telah dipelajari dalam kehidupan harian mereka, bukan sahaja untuk kejohanan malahan untuk menghadapi cabaran pada masa hadapan. Kejohanan FLL membuka ruang yang tiada hadnya kepada generasi muda hari ini untuk menggunakan imaginasi dan kreativiti mereka dengan gabungan sains dan teknologi untuk menyelesaikan sesuatu masalah.”

Encik Law King Hui telah menutup ucapannya dengan menyeru semua pihak yang terlibat agar terus menyokong program tersebut. Beliau berkata, “FLL ialah pelaburan untuk membina tenaga kerja masa depan yang berkualiti serta mempunyai persepsi yang positif terhadap sains dan teknologi. Dengan sumbangan penaja, FLL dapat memberikan peluang kepada lebih banyak generasi muda untuk menemukan potensi sebenar diri mereka.”

Kejohanan FLL ini diadili dalam empat cabang, iaitu *Core Values*, *Robot Game*, *Project*, dan *Robot Design*. Pemenang FLL Malaysia 2016 akan mewakili Malaysia ke kejohanan FIRST LEGO League World Festival di Amerika Syarikat yang akan berlangsung pada tahun hadapan.

Melalui teks ucapan yang telah disampaikan oleh Pengarah, Bahagian Ko-kurikulum dan Kesenian, Kementerian Pendidikan Malaysia, Puan Rozainum binti Ahmad yang mewakili **Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia, Kementerian Pendidikan Malaysia, Y. Bhg. Dato’ Sri Dr. Khair bin Mohamad Yusof**, berkata, ”Program robotik yang memberikan keutamaan terhadap sains, teknologi, kejuruteraan dan matematik (“STEM”) merupakan usaha berterusan kerajaan untuk mempromosikan pendidikan berteraskan reka cipta dan inovasi dalam kalangan murid sekolah rendah dan menengah. Program ini menggalakkan kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT), kreativiti serta pelbagai imaginasi untuk membolehkan murid berinovasi dengan menggunakan prinsip STEM. Malah program ini juga menjadi pemacu kepada negara untuk mencapai status negara maju yang mampu mendepani cabaran semasa menjelang tahun 2020 seiring dengan dasar 60:40 (Sains/Teknikal:Sastera)”.

“Selain itu, kerajaan juga amat menitikberatkan soal inovasi seiring dengan usaha meningkatkan penguasaan murid dalam bidang sains dan teknologi. Inovasi terutamanya dalam

bidang robotik amat perlu disuburkan dari semasa ke semasa untuk menyediakan pemain industri yang mampu bersaing pada peringkat antarabangsa.” tambah beliau lagi.

Kejohanan FLL Malaysia 2016 anjuran Sasbadi Holdings ini dibantu oleh Rakan Strategik dan Penaja Rasmi Lokasi, IPG Kampus Bahasa Melayu di samping Rakan Strategik yang lain iaitu Kementerian Pendidikan Malaysia, Pusat Sains Negara dan Bechtel. Manakala LEGO Education, The Institution of Engineering and Technology (“IET”), KDU University College, Universiti Teknologi Petronas, UCSI University, Universiti Tenaga Nasional, Penang Science Cluster, Telekom Malaysia Berhad (“TM”), Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (“MCMC”) dan Bank Rakyat bertindak sebagai Rakan Sokongan program ini.

Majlis Penyampaian Hadiah dan Penutupan Kejohanan FLL Malaysia 2016 ini disempurnakan oleh Y. Berusaha Puan Rozainum binti Ahmad, Pengarah, Bahagian Ko-kurikulum dan Kesenian, Kementerian Pendidikan Malaysia yang mewakili Y. Bhg. Dato’ Sri Dr. Khair bin Mohamad Yusof, Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia, Kementerian Pendidikan Malaysia. Tetamu-tetamu kehormat yang lain ialah Encik Law King Hui, Pengarah Urusan Kumpulan, Sasbadi Holdings Berhad, Y. Bhg. Dr. Hjh. Maridah binti Alias, Pengarah, IPG Kampus Bahasa Melayu, Y. Bhg. Ir. Dr. Matthew Teow, Pengerusi, IET Malaysia, Encik Gary Yau, *Country Manager*, Bechtel Malaysia dan Y. Bhg. Prof. Ir. Dr. R. Vigna Kumaran selaku ketua hakim FLL Malaysia 2016.

Mengenai Sasbadi Holdings Berhad

Sasbadi Holdings Berhad (“**Sasbadi Holdings**” atau “**Kumpulan Sasbadi**”) merupakan penerbit bahan-bahan pendidikan, yang merangkumi penerbitan bercetak yang berfokus pada pendidikan sekolah rendah dan menengah. Walaupun sebahagian besar hasil terbitan pendidikan mereka adalah berdasarkan Kurikulum Sekolah Nasional, Malaysia, Kumpulan Sasbadi juga menerbitkan bahan-bahan pendidikan yang tidak berdasarkan kurikulum sekolah serta buku bertajuk umum. Selain itu Kumpulan Sasbadi ada menerbitkan bahan-bahan pendidikan berdasarkan Kurikulum Sekolah Nasional, Malaysia melalui portal sesawang dan aplikasi digital. Bisnes Sasbadi Holdings dilengkapkan oleh pendedaran produk pendidikan gunaan yang direka untuk memberikan pengalaman pembelajaran interaktif kepada pelajar. Produk-

produk ini merangkumi blok pembinaan kecil dan komponen mekanikal, elektrik dan elektronik serta peralatan yang dapat menerima dan menganalisis syarat secara langsung dengan perisian yang membolehkan penciptaan system pengawalan dan pengukuran.

ABOUT FIRST

Accomplished inventor Dean Kamen founded FIRST (For Inspiration and Recognition of Science and Technology) in 1989 to inspire an appreciation of science and technology in young people. Based in Manchester, N.H., FIRST designs accessible, innovative programs to build self-confidence, knowledge, and life skills while motivating young people to pursue opportunities in science, technology, and engineering. With support from three out of every five Fortune 500 companies and more than \$12 million in college scholarships, the not-for-profit organization hosts the FIRST Robotics Competition (“FRC”) and FIRST Tech Challenge (“FTC”) for high-school students, FIRST LEGO League (“FLL”) for 9 to 16 year-old and Junior FIRST LEGO League (“Jr.FLL”) for 6 to 9 year-old. Gracious Professionalism is a way of doing things that encourages high quality work, emphasizes the value of others, and respects individuals and the community. To learn more about FIRST, go to www.usfirst.org

ABOUT THE LEGO GROUP

The LEGO Group is a privately-held firm based in Billund, Denmark. The LEGO Group is committed to the development of children's creative and imaginative abilities through high-quality, creatively educational play materials, and its employees are guided by the motto adopted in the 1930s by founder Ole Kirk Christiansen: "Only the best is good enough." For more information, visit www.LEGO.com.

Untuk keterangan lanjut sila rujuk fll.sasbadi.com atau hubungi:

Hong Tze Wei

Eksekutif Pemasaran dan Komunikasi,

Sasbadi Holdings Berhad

Tel: +603-61451018

HP: +019-3977588

Email: twhong@sasbadi.com